

10/12/2001

Pengalaman Fauziah Nawi di Seoul

TARIKH keramat yang tidak akan dilupakan ialah 17 September 2001 apabila menerima panggilan telefon daripada Haniah Hassan, Bahagian Dasar Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, yang mengesahkan saya terpilih untuk menghadiri Bengkel Bertaraf Antarabangsa di Seoul, Korea Selatan.

Sebenarnya harapan untuk terpilih menghadiri bengkel ini sudah saya padamkan, memandangkan calon lain yang turut tersenarai lebih hebat. Inilah yang dikatakan rezeki. Alhamdulillah!

Masih lagi bimbang, walaupun sudah terpilih sehinggalah saya menerima 'courier' daripada Korean National Commission for Unesco yang mengirimi tiket penerbangan pergi dan balik serta arahan yang perlu dipatuhi apabila sampai di Seoul pada 7 Oktober 2001.

Pertama kali dalam hidup saya bersendirian ke negara orang. Takut? Memang saya takut, walaupun saya ditemani Abdul Halim Mohamad Noor, pegawai daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang turut sama dalam bengkel ini bagi kerajaan. Ketakutan saya kerana saya pergi bukan sebagai artis, tetapi sebagai pengurus dan dimestikan membentangkan kertas kerja berkaitan pengurusan seni.

Pada 7 Oktober 2001, jam 11.50 malam hari Ahad dari KLIA bersama Abdul Halim menaiki pesawat MH0066 menuju ke destinasi - Seoul. Sepanjang penerbangan saya tidak dapat melelapkan mata biar pun orang disekeliling sudah diulit mimpi sepanjang 7 jam penerbangan.

Jam 6.30 pagi waktu Korea (5.30 pagi Malaysia) bersamaan dengan 8 Oktober 2001, Isnin, pesawat mendarat dengan selamatnya di lapangan terbang Incheon, Seoul, Korea Selatan. Setelah mengambil bagasi dan melalui pemeriksaan Imigresen, saya terus menuju ke stesen bas nombor 6 seperti yang diarahkan untuk menaiki bas 605-1 menuju ke perhentian bas Myung-dong Ip-gu (Royal Hotel), tempat penginapan peserta seminar.

Apa jadi dengan Abdul Halim? Terlupa pula, saya bercerita kisah yang saya kira agak lucu. Kerana keghairahan atau mungkin kebimbangan, saya terlupa Abdul Halim. Selepas melalui pemeriksaan imigresen saya menunggu beliau agak lama. Jadi saya mengambil keputusan untuk terus mencari stesen bas dengan niat sekurang-kurangnya saya sudah jumpa stesen bas, kemudian mudah pula teman saya berurusan. Rupa-rupanya Halim ada masalah kerana wajahnya dipasport agak berlainan, jadi dia terpaksa menjawab beberapa soalan Imigresen Korea. Terdetik di hati... kau ni Fauziah buat malu saja... maklumlah orang kampung. Nampak macam hebat, sebab selalu benar keluar negara rupanya..! Benar seperti yang tertulis pada arahan yang diserahkan kepada kami, seorang Pegawai Korean National Commission for Unesco sudah sedia menunggu di stesen bas nombor 6 dan menyerahkan tiket berharga 5 ribu Won (RM15).

Sambil menunggu bas bertolak ke destinasi, saya sempat memerhatikan keadaan sekeliling. Dalam cuaca yang sejuk, saya perhatikan di sana sini pasukan keselamatan dan anjing sedang bertugas bagi memastikan keselamatan lapangan terbang Incheon terjamin. Yang paling ketara bagaimana keadaan di situ sangat bersih sama seperti Jepun, yang pernah saya lawati.

Perjalanan ke Royal Hotel mengambil masa lebih dari sejam kerana kesesakan jalan rayanya. "Macam Penang pulak" kata Abdul Halim. Untuk pengetahuan pembaca, ada 18 jambatan yang menghubungi setiap tempat di Seoul. Berbukit dan ada tol... jangan marah! Sepanjang perjalanan ke hotel, saya menguatkan azam untuk tidak berasa letih kerana saya tahu,

sama seperti di Jepun, di Korea pun kena banyak jalan kaki. Perkara yang paling tidak saya gemari di Kuala Lumpur. Di Korea, saya begitu tekun mengambil vitamin dan minum susu. Seheingakan apabila bercerita kepada anak, mereka mengesyorkan agar saya selalu keluar negara!

Sesampainya di Royal Hotel, kami berkenalan dengan 18 lagi peserta dari negara Asean yang lain. Sementara menantikan bilik siap, sebab sampai sebelum jam 12 tengah hari, saya mengambil kesempatan berjalan sambil meninjau keadaan sekeliling. Perut mula keroncong, jadi saya pun singgah di sebuah gerai di depan hotel, membeli Pungo Pango, sejenis kuih tradisi Korea berinti kacang merah berbentuk ikan emas dengan harga seribu Won (4 keping).

Mungkin kerana bentuk ikan emas dan aromanya yang harum itu, menjadikan saya begitu kepingin memakannya, walaupun bermasalah sewaktu hendak membelinya kerana penjualnya tidak boleh berbahasa Inggeris.

Jam 6.30 petang peserta diraikan pada majlis makan malam di restoran Royal Star. Kami diperlukan mendaftar untuk bengkel yang bermula keesokannya. Setiap peserta diberikan wang saku sejumlah 150 ribu Won (RM450).

Bengkel bermula tepat jam 9.00 pagi di Bilik Emerald di Tingkat dua Royal Hotel. Peserta mesti melaporkan diri dan mengambil tempat 10 minit lebih awal. Disiplin ketat. Inilah pengajaran pertama yang dapati melalui bengkel ini. Untuk menjadi seorang pengurus yang baik kita juga perlu tahu mengurus waktu bagi memastikan kelancaran pengurusan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada guru saya yang pernah saya anggap sebagai harimau kerana terlalu mementingkan disiplin pengurusan waktu/masa.

Selama empat hari selain didedahkan dengan kepentingan pengurusan, kami juga berpeluang bertukar pendapat serta menyelami masalah dalam pengurusan seni. Apa yang menarik mereka yang diundang untuk memberi ceramah adalah mereka yang pakar dibidang pengurusan seni di Seoul. Mereka terdiri dari doktor, profesor, pensyarah dan pengarah dari bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Kesenian Universiti dan Pusat Perkembangan Kesenian di Seoul.

Secara peribadi, saya begitu kagum dengan semangat peserta yang mewakili negara masing-masing sepanjang bengkel berlangsung. Walaupun bermasalah kerana bahasa, namun semuanya dapat dijalankan dengan lancar atas semangat Asean dan keinginan kami untuk melihat Kebudayaan dan Kesenian di rantau Asean, dapat berkembang setanding negara lebih maju tanpa melupakan jati diri.

Ketika mendengar ceramah Dr Kim Kyong-dong seorang Professor Jabatan sosiologi Universiti Kebangsaan Seoul, terkenang saya teman di Sanggar Teater Fauziah Nawi; Fauziah Nawi (M) Sdn. Bhd. yang begitu yakin bahawa untuk menjadikan kita maju kita harus menjadikan jati diri sebagai teras mengangkat mertabat kebudayaan serta kesenian tanah air dimata dunia.

Ini kerana menurut Dr Kim: "Kebudayaan dan kesenian adalah cara hidup. Manusia dilahirkan untuk menghargai serta menikmati kebudayaan dan kesenian. Kebudayaan dan Kesenian adalah cara untuk pengembangan serta menjadikan masyarakat itu kaya dengan nilai murni kehidupan.

Untuk memastikan kebudayaan dan kesenian itu berkembang kerajaan dan rakyat haruslah turut serta dan bekerjasama. Perkembangan kebudayaan dan kesenian akan memastikan kemajuan taraf kehidupan dari segi sosial serta spiritualnya. Perkembangan sosial dan spiritual adalah perkembangan kebudayaan dan kesenian. Untuk mencapai tujuan murni ini kita perlu berbalik kepada tradisi masyarakat itu sendiri ia itu jati diri."

Pembentangan kertas kerja oleh Hun Sarin dari Kemboja, telah menyedarkan saya betapa bertuahnya saya dilahirkan sebagai rakyat dan seniman di negara bertuah Malaysia. Sepanjang pembentangan kertas kerja beliau tidak disedari saya mengalirkan air mata. Peperangan saudara 1970-1978 telah meruntuhkan sebuah kerajaan. Peperangan telah menghancurkan segalanya.

Para bijak pandai, seniman sentiasa hidup dalam ketakutan. Nyawa mereka akan melayang pada bila-bila masa. Pagoda yang pernah dijadikan institusi perkembangan moral ditutup dan dijadikan penjara, sekolah dijadikan dapur. Rakyat Kemboja dipaksa bekerja dan kemudiannya dibunuh. Apabila Kemboja dibebaskan pada 1979, rakyatnya mula bekerja untuk membangunkan negara mereka. Rakyat Khmer dari dalam dan luar negeri berpadu tenaga bagi tujuan pembangunan negara tercinta walau pun di dalam kepayahan. Dibawah pimpinan Raja Norodom Sihanuk dan isteri, Kemboja bangkit dari kehancuran.

Terfikir oleh saya seniman tidak pernah patah hati dan tidak pernah gentar dalam menghadapi dugaan serta kepayahan untuk memastikan nilai murni kehidupan itu terus berkembang. Jadi apa sangatlah kepayahan yang saya dan teman sesanggar hadapi jika dibandingkan dengan seniman di Kemboja sewaktu meletusnya peperangan saudara.

Di sini saya ingin angkat topi kepada pemimpin negara terutama kepada Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad yang berjaya menerajui Malaysia dalam keadaan apa sekali pun serta meletakkan Malaysia sebagai negara yang boleh dijadikan contoh dalam memastikan keharmonian rakyat dan negara terjamin.

Pembentangan kertas kerja dari peserta negara jiran Singapura juga menjadikan saya cemburu. Kenapa? Kerajaan Singapura telah memperuntukkan sejumlah S\$50 juta (RM120 juta) untuk perkembangan kebudayaan dan kesenian kerana Singapura mahu menjadikan negara mereka sebagai Bandaraya Kebudayaan dan Kesenian Sedunia (Global Arts City). Di antara strategi bagi memastikan tujuan ini beberapa anugerah telah diperuntukkan bagi mereka yang bekerja dan berusaha kearah perkembangan kebudayaan dan kesenian. Beberapa bangunan lama dijadikan tempat Pusat Perkembangan dan Penyelidikan Kebudayaan dan Kesenian. Seniman ditempatkan di sekolah untuk perkembangan Kebudayaan dan Kesenian. Setiap sekolah diberikan sejumlah peruntukan bagi menjayakan objektif ini. Kebudayaan dan Kesenian sebagai satu industri yang turut menyumbang kearah kemajuan serta pendapatan negara!

Bilakah kebudayaan dan kesenian akan dianggap sebagai satu industri penting sebagai pendapatan negara di Malaysia? Saya yakin ini akan tercapai sekiranya para budayawan dapat berkerjasama dengan pihak kerajaan dan kita semua memandang serius betapa kebudayaan dan kesenian itu penting dalam pembangunan sebuah negara.

Bila kami dibawa melawat Pusat Kebudayaan Seoul, banyak perkara yang menjadikan saya begitu terkenangkan teman. Apa tidaknya, penonton yang menonton Opera La Boheme begitu disiplin. Dari yang kecil hingga yang dewasa sudah terdidik dengan etika sebagai penonton. Persembahan tepat jam 7.30 malam.

Tidak ada pengumuman "untuk memastikan kelancaran persembahan anda diminta mematikan telefon bimbit dan alat kelui serta mengehadkan pergerakan keluar masuk dewan ketika persembahan. Tidak dibenarkan mengambil gambar menggunakan pantulan cahaya" Kenapa harus ada pengumuman apabila penonton sendiri ada etika sebagai penonton! Timbul rasa kesihan saya kepada aktivis teater ditanah air termasuk pihak pengurusan Panggung Istana Budaya kerana terpaksa berhadapan dengan penonton yang rata-rata tidak terdidik dengan etika sebagai penonton.

Kesimpulan saya kenapa penonton Korea beretika dan menghormati serta menghargai persembahan kerana selain terdidik pihak aktivis teater juga berusaha keras memastikan penonton puas hati dan tidak merasa tertipu kerana terpaksa mengeluarkan duit untuk menonton persembahan oleh aktivis teater dan pihak Pusat Kesenian Seoul tidak bermutu! Selepas menonton Opera la Boheme saya berasakan ianya berbaloi.

Opera House didirikan berdekatan dengan Muzik Hall dan Kaligraphy House. Apabila menjenguk Opera House, saya begitu gembira campur sedih. Gembira kerana di Opera House ini ada lagi beberapa auditorium kecil selain yang

utama bagi persembahan teater yang bersekala kecil. Saya membayangkan kegembiraan anak buah saya sekiranya dapat membuat persembahan di Opera House Seoul walaupun di sebuah auditorium yang kecil. Jadi di Opera House itu sendiri akan ada beberapa persembahan selain persembahan di auditorium utama. Sedih kerana ini tidak terjadi di Istana Budaya. Tidak ada majlis makan malam di Opera House untuk memastikan tempatnya terjamin kebersihannya dan menjaga prestijnya sebagai sebuah Opera House unggul di Korea.

Menjenguk ke Muzik Hall, saya terkenangkan adik, Mustafa Fuzer yang bertindak sebagai Konduktor Okestra Simfoni Kebangsaan dan Nasran yang bertindak sebagai pemain utama Cello dalam orkestra. Kenapa? Sebabnya di Muzik Hall ini ada beberapa auditorium kecil selain auditorium utama. Ada lounge untuk pemuzik. Ada tempat mengasuh anak pemuzik atau penyanyi kourus sekiranya mereka bermasalah untuk meninggalkan anak di rumah tanpa penjagaan. Jadi sekiranya pemuzik di Korea boleh bermain dengan baik serta memberikan tumpuan sepanjang latihan atau persembahan tidaklah menghairankan. Selain pemuzik dan penyanyi memang berpendidikan dan hebat mereka tidak perlu bimbang siapa perlu menjaga anak kecil mereka ketika latihan dan juga persembahan. Sekiranya perkara seperti ini ada di Malaysia, tidaklah adik saya sebagai konduktor bimbang tentang kebajikan pemain dalam Okestra Simfoni Kebangsaan!

Sepanjang bengkel ini, saya belajar menghargai erti kemerdekaan dan jati diri. Didikan ayah dan ibu menjadikan saya manusia cekal dan tidak cepat mengalah hanya kerana disindir dan dikatakan tidak tahu membuat serta membentangkan kertas kerja. Berpegang kepada keyakinan perjuangan saya sebagai anak seni saya selalu sedar diri, ruang, teman... dijadikan pegangan bukan saja sewaktu berlakon tetapi diteruskan didalam kehidupan. Tidak malu dan merasa rendah diri untuk mengutarakan pendapat diatas kertas kerja dengan cara saya yang jika dipandang dari segi mata kasar sebagai satu skrip drama yang diawalnya saya sendiri tidak yakin diterima pada peringkat antarabangsa! Mungkin dikesempatan lain saya akan bentangkan kertas kerja saya itu untuk tatapan pembaca.

Didikan awal saya dalam pembabitan sebagai aktivis teater amat berguna. Barulah saya tahu betapa dedikasi, disiplin dan visi itu amat penting dalam pengurusan bagi aktivis teater seperti saya. Teater juga telah mendidik saya supaya menjadi pemikir dan sentiasa terbuka kepada perkara baru demi kemajuan diri dan kumpulan. Saya yakin sekiranya hubungan baik yang terjalin antara sanggar saya dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Akademi Seni Kebangsaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Dewan Bandaraya, Akademi Filem Malaysia, Pena, Gapena serta badan berkanun yang lain berterusan serta sokongan dan bantuan mereka juga berterusan sudah pasti kualiti kerja dan persembahan teater Sanggar Teater Fauziah Nawi, setanding dengan persembahan kebudayaan dan kesenian antarabangsa.

(END)